

PENGENALAN

Program Transisi Tahun Satu merupakan satu program yang bertujuan untuk membantu murid menghadapi perubahan daripada pendidikan tidak formal di rumah atau tadika kepada pendidikan lebih formal di Tahun Satu sekolah rendah. Dalam masa yang sama program ini juga dapat memastikan agar semua murid Tahun Satu yang datangnya dari latar belakang, pengalaman dan sosio ekonomi yang berbeza akan dapat memulakan proses pembelajaran di Tahun Satu pada tahap pencapaian yang hampir sama.

Matlamat Program

Program Transisi Tahun Satu akan dapat :

1. Membimbing murid melalui fasa alam tadika kepada alam persekolahan secara formal.
2. Menyediakan dan membantu murid-murid menyesuaikan diri dengan situasi persekitaran, guru-guru dan kawan-kawan baru dalam masa yang singkat.
3. Menarik minat murid untuk berasa seronok untuk datang ke sekolah untuk belajar.

Objektif

Di akhir program, murid-murid dapat:

1. Mengembangkan sosio-emosi dan menyesuaikan diri kepada persekitaran pembelajaran yang formal.
2. Dapat mengenalpasti potensi dan minat murid dari awal sesi persekolahan dari segi kognitif, kebolehan, kecenderungan dan keupayaan murid dalam sesuatu bidang atau mata pelajaran.
3. Membimbing murid Tahun 1 berkaitan amalan, budaya dan adab ketika berada di sekolah.

4. Mengeratkan hubungan dengan para guru supaya proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

TEMA PROGRAM

MINDA CERGAS MATA BERCAHAYA

MINDA CERGAS

Kemampuan murid-murid Tahun Satu membina dan mengaplikasikan kemahiran berfikir secara aktif melalui aktiviti berkumpulan dan saling bantu membantu di antara satu dengan lain serta penglibatan yang menyeluruh dalam aktiviti-aktiviti yang dirancang awal lagi menunjukkan Minda Cergas. Dalam masa yang sama, murid-murid juga diharapkan dapat meningkatkan perasaan ingin tahu mereka melalui aktiviti-aktiviti yang mencabar serta bersesuaian dengan tahap umur dan pencapaian sedia ada. Selain dari itu melalui aktiviti-aktiviti tersebut akan wujud proses komunikasi yang dapat meningkatkan tahap keyakinan diri di kalangan murid di samping dapat memantapkan pemupukan nilai-nilai murni yang ada atau yang dibawa dari pra sekolah.

MATA BERCAHAYA

Murid-murid Tahun Satu ini dapat merasakan satu keseronokan untuk terus belajar bersama-sama dengan kawan-kawan, suasana, persekitaran dan guru-guru yang baru.

Semangat dan minat mereka akan terus meningkat dari masa ke semasa melalui aktiviti-aktiviti yang disediakan tanpa menimbulkan sebarang permasalahan kepada sekolah, guru mahupun ibu bapa atau penjaga mereka. Keadaan ini dapat diterjemahkan melalui mata bercahaya mereka yang sentiasa bercahaya pada setiap masa dan ketika untuk meneruskan proses pembelajaran mereka di Tahun Satu.

**AHLI JAWATANKUASA
PROGRAM TRANSISI
TAHUN SATU 2022/23**

PENGERUSI

NAIB PENERUSI 1

NAIB PENERUSI 2

NAIB PENERUSI 3

PENYELARAS & SETIAUSAHA

GURU MATA PELAJARAN TAHUN 1

**BIDANG TUGAS GURU BAGI
PROGRAM TRANSISI TAHUN SATU 2022/23**

BIDANG TUGAS GURU-GURU MATAPELAJARAN

- ☐ Memahami konsep dan tujuan Program Transisi
- ☐ Menggunakan pelbagai pendekatan terhadap murid yang berbeza.
- ☐ Membantu merancang aktiviti yang memenuhi keperluan JERI murid.
- ☐ Merekod dan mengemaskinikan rekod pembelajaran 3M dan dalam aktiviti pra huruf, pra nombor dan pra warna.
- ☐ Membuat laporan dari semasa ke semasa kepada jawatankuasa mengenai perkembangan setiap murid dalam mata pelajaran mereka.
- ☐ Merangka strategi untuk menyelesaikan tahap penguasaan 3M murid yang berbeza.
- ☐ Menyimpan hasil keputusan penilaian, pemerhatian dan ujian sepanjang tahun.
- ☐ Menjaga dan mengemaskini sudut dan ruang mata pelajaran masing-masing.
- ☐ Membuat dan membaiki ABM untuk dipamerkan di sudut atau ruang mata pelajaran.
- ☐ Menyediakan rancangan tahunan bertema dan rangka aktiviti untuk minggu transisi.

BIDANG TUGAS GURU KELAS

- ☐ Memahami konsep dan tujuan Program Transisi.
- ☐ Menyediakan persekitaran kelas yang ada persamaan dengan tadika.
- ☐ Melukis pelan bilik darjah.
- ☐ Menyediakan sudut ruang mata pelajaran.
- ☐ Menjaga dan memantau keceriaan dan kebersihan kelas berdasarkan garis panduan yang diberikan.
- ☐ Prihatin dan sentiasa menjaga kebajikan murid semasa di sekolah dan bertanggungjawab kepada ibu bapa dan penjaga murid.
- ☐ Menyediakan senarai bahan dan peralatan untuk kegunaan bilik darjah
- ☐ Mengumpul maklumat untuk tujuan pengrekodan daripada ibu bapa atau penjaga murid.
- ☐ Menyimpan rekod profil dan rekod kesihatan murid.

- ☐ Membahagikan murid kepada kumpulan mengikut kecerdasan dan tahap kemampuan murid selepas minggu transisi.
- ☐ Mengumpul dan menyediakan laporan murid tentang penguasaan nilai, rutin dan peraturan dalam bilik darjah secara berterusan.
- ☐ Mengutip dan merekod yuran daripada ibu bapa dan penjaga.

BIDANG TUGAS GURU PENYELARAS TAHUN SATU

- ☐ Merangka dan menyelaras aktiviti untuk tiga minggu (sepanjang Program Transisi dijalankan).
- ☐ Merancang aktiviti untuk hari pendaftaran, Majlis Suaikenal Tahun Satu 2015 dan Majlis Penutupan Minggu Transisi 2015.
- ☐ Mencari sumber kewangan untuk melaksanakan aktiviti yang hendak dirancang.
- ☐ Mengumpul rekod serta laporan untuk dirumuskan kepada pihak pentadbir.
- ☐ Mengemaskini fail pelaksanaan program transisi secara berterusan.
- ☐ Membantu menyedia dan mengedar bahan edaran kepada ibu bapa penjaga.
- ☐ Membantu memantau sepanjang pelaksanaan program.
- ☐ Bertindak sebagai pakar rujuk.

BIDANG TUGAS SETIAUSAHA AJK KERJA

- ☐ Mencatat minit mesyuarat dan taklimat yang dilakukan secara formal atau tidak.
- ☐ Membantu merancang aktiviti untuk hari pendaftaran, minggu transisi, majlis suai kenal murid Tahun Satu dan Majlis Penutup Minggu Transisi.
- ☐ Menyedia dan mengedarkan aturcara bagi setiap majlis formal sepanjang program diadakan.
- ☐ Mengedar surat edaran dan jemputan kepada pihak yang berkenaan.
- ☐ Memastikan maklumat disampaikan jelas dan mendapat maklumbalas seperti yang dikehendaki.
- ☐ Menyimpan fail dan rekod pelaksanaan program.
- ☐ Menyediakan laporan bertulis mengenai pelaksanaan program di akhir tahun.

SENARAI NAMA MURID TAHUN 1

Bil	NAMA
1	
2	
3	
4	
5	
6	
7	
8	
9	
10	
11	
12	
13	
14	

15

16

17

**RANCANGAN PROGRAM
TRANSISI
& GURU PENYAYANG TAHUN
SATU 2022/23**

PENUTUP

Program Transisi Tahun 1 pada tahun 2022/23 ini diharap dapat berjalan dengan baik hasil kerjasama daripada semua pihak. Pihak sekolah berharap semua ibu bapa/penjaga dapat menghantar anak-anak mereka yang telah cukup umur untuk mendaftar di kelas pendidikan pra sekolah supaya mendapat pendidikan awal kanak-kanak secara menyeluruh. Justeru, segala perancangan yang telah dirancang oleh pihak sekolah dapat dijalankan dengan jayanya.